JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

MANUAL PENGGUNA

SISTEM PENILAIAN KENDERAAN ATAS TALIAN (PiKAT)

KATEGORI PEMOHON

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

Isi Kandungan

1 PENGENALAN **3**

1.1 OBJEKTIF 3

1.2 PENGGUNA 3

1.3 SKOP 3

1.4 CAPAIAN SISTEM 3

2 ANTARAMUKA PENGGUNA **4**

2.1 MENU UTAMA 4

3 PERMOHONAN **8**

3.1 BORANG PERMOHONAN 8

3.2 MAKLUMAT ASET 11

3.3 DOKUMEN 115

4 SEMAKAN **18**

4.1 SEMAKAN PERMOHONAN 18

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

VERSI KAWALAN

Versi	Keterangan	Diluluskan	Dilaksanakan
V1.0	Dokumen baru	5 Jun 2013	7 Jun 2013
V2.0	Penambahbaikan Major Sistem	26 September 2013	2 Oktober 2013
V3.0	Dokumen Penambahbaikan	16 Disember 2013	20 Disember 2013

IKON YANG DIGUNAKAN

Amaran

Contoh

Nota

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

1 PENGENALAN

1.1 OBJEKTIF

Dokumen ini disediakan untuk pengguna Sistem Penilaian Kenderaan Atas Talian (PiKAT). Tujuan dokumen ini disediakan adalah untuk memberi penerangan mengenai fungsi dan spesifikasi yang terlibat didalam sistem ini. Dokumen ini juga berfungsi sebagai panduan tentang tatacara penggunaan Sistem Penilaian Kenderaan Atas Talian (PiKAT).

1.2 PENGGUNA

Pengguna yang terlibat ialah pemohon yang terdiri daripada kakitangan kerajaan, agensi-agensi kerajaan, badan berkanun dan agensi swasta yang berminat untuk membuat penilaian kenderaan di woksyop-woksyop Jabatan Kerja Raya (JKR).

1.3 SKOP

Pengguna untuk kategori Pemohon mempunyai modul seperti berikut :-

1) Modul Utama
2) Modul Permohonan
3) Modul Semakan

1.4 CAPAIAN SISTEM

Pengguna yang ingin menggunakan Sistem PiKAT ini boleh di akses menggunakan alamat **pikat.jkr.gov.my**

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

2 ANTARAMUKA PENGGUNA

2.1 MENU UTAMA

Rajah 2.1 Paparan antaramuka Menu Utama

Rajah 2.1 diatas menunjukkan antaramuka utama untuk Sistem Penilaian Kenderaan Atas Talian (PiKAT). Terdapat empat menu yang boleh di akses oleh pengguna seperti Rajah 2.2.



Rajah 2.2 Paparan Menu

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

Berikut adalah keterangan tentang menu-menu tersebut :-

a) Utama

Menu ini merupakan menu utama apabila pengguna akses ke Sistem PiKAT ini.

b) Permohonan

Menu ini adalah untuk pengguna membuat permohonan penilaian kenderaan.

c) Semakan

Menu ini adalah untuk pengguna membuat semakan terhadap permohonan yang telah dibuat.

d) Admin

Menu ini adalah untuk pengguna kategori Admin atau pentadbir sistem ini.

Hanya pengguna yang mempunyai akses level Admin sahaja diberi kebenaran untuk menggunakan menu ini

Rajah 2.3 Paparan Pengenalan

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

Rajah 2.3 di atas menunjukkan paparan pengenalan yang menerangkan secara ringkas perkhidmatan penilaian yang ditawarkan oleh JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM).

Rajah 2.4 Paparan Jenis Penilaian

Rajah 2.4 di atas menunjukkan paparan jenis penilaian yang terdapat di dalam sistem ini. Berikut adalah keterangan setiap jenis penilaian tersebut :-

a) Kenderaan Baru

Kenderaan-kenderaan baru yang dibeli oleh Jabatan perlu melalui proses pemeriksaan dan penilaian di Worksyop Kerajaan bagi :-

a. Memastikan kesahihan samaada kenderaan tersebut baru atau kenderaan "*re-conditioned*"

b. Spesifikasi kenderaan menepati kehendak jabatan dan sejajar dengan surat setuju terima yang dikeluarkan kepada kontraktor.

b) Harga Rezab

JKR Worksyop menyediakan perkhidmatan penilaian kenderaan terpakai bagi tujuan harga rezab untuk dijual atau dilelong.

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

c) Lucut Hak

JKR Worksyop menyediakan perkhidmatan penilaian kenderaan terpakai bagi tujuan lucut hak untuk di jual atau di lelong.

d) Pinjaman Kerajaan

JKR Worksyop menyediakan perkhidmatan penilaian kenderaan terpakai bagi tujuan pinjaman kerajaan kepada pegawai kerajaan yang ingin membeli kenderaan terpakai.Ianya perlu dinilai oeleh Jurutera Kerja Raya atau Jabatan Pengangkutan Jalan.

e) Pelupusan

Pelupusan adalah proses untuk mengeluarkan aset dari milikan, kawalan,simpanan dan rekod mengikut kaedah yang di tetapkan. Perakuan Pelupusan (PEP) diperlukan bagi semua aset Mekanikal,Teknikal,Elektrikal dan Elektronik. Hanya JKR dan Worksyop Jabatan sahaja diberi kuasa untuk mengeluarkan PEP.

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

3 PERMOHONAN

3.1 BORANG PERMOHONAN

3.1.1 Tab Maklumat Permohonan



Rajah 3.1 Paparan antaramuka Borang Permohonan

Rajah 3.1 diatas menunjukkan paparan Borang Permohonan yang digunakan di dalam sistem PiKAT. **Borang Permohonan ini digunakan** untuk **lima jenis penilaian** yang terdapat didalam sistem ini iaitu **Kenderaan Baru**, **Pinjaman Kerajaan**, **Pelupusan**, **Lucut Hak** dan **Harga Rezab**.

Terdapat 11 medan yang perlu di isi oleh pemohon. Pemohon perlu mengisi semua maklumat – maklumat yang dikehendaki terutamanya medan yang bertanda * iaitu medan yang wajib di isi.

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

Berikut adalah keterangan notasi yang terdapat di dalam Rajah 3.1 :-

a) Jenis Penilaian

Medan ini mengandungi *dropdown* pilihan jenis penilaian kenderaan iaitu Kenderaan Baru, Pinjaman Kerajaan, Pelupusan, Lucut Hak dan Harga Rezab.

b) JKR Woksyop

Medan ini mengandungi *dropdown* pilihan woksyop JKR iaitu lokasi dimana penilaian kenderaan boleh dibuat.

c) Nama Pemohon

Pemohon perlu memasukkan nama seperti di dalam kad pengenalan

d) No KP / Passport

Pemohon perlu memasukkan no. kad pengenalan atau no. Passport sebagai ID ke dalam sistem ini.

e) Kategori Agensi

Medan ini mengandungi *dropdown* pilihan kategori agensi iaitu kerajaan, swasta atau badan berkanun.

f) Agensi

Pemohon perlu memasukkan nama agensi. Sistem ini menyediakan kemudahan carian agensi iaitu pemohon hanya perlu menaip sekurang-kurangnya 4 huruf dan sistem akan memaparkan hasil carian di dalam ruangan Agensi.

Sekiranya nama agensi tiada didalam senarai, pemohon perlu menaip ‘lain’ pada medan Agensi dan klik pada hyperlink ‘Lain-lain’. Masukkan nama agensi pemohon pada medan Nama Agensi.

g) Alamat Jabatan

Masukkan alamat jabatan atau agensi yang lengkap.

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

h) No. Tel.Pej

Masukkan no. telefon pejabat pemohon untuk dihubungi.

i) No. Tel. Bimbit

Masukkan no. telefon bimbit pemohon untuk dihubungi.

j) No. Fax

Masukkan no. faksimili pemohon untuk dihubungi.

k) Email

Masukkan alamat emel pemohon untuk dihubungi untuk tujuan notifikasi atu makluman melalui emel

Setelah selesai memasukkan semua maklumat tersebut, klik butang Simpan untuk menyimpan permohonan tersebut. Paparan mesej 'Tambah Rekod Telah Berjaya' menunjukkan permohonan telah berjaya disimpan. Klik butang Seterusnya untuk ke proses seterusnya.

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

3.2 MAKLUMAT ASET

3.2.1 Tab Maklumat Aset



Rajah 3.2 Paparan antaramuka Maklumat Aset

Rajah 3.2 diatas menunjukkan paparan borang Maklumat. Medan yang bertanda * adalah wajib di isi.

Berikut adalah keterangan notasi yang terdapat di dalam Rajah 3.1 :-

a) Jenis Aset

Medan ini mengandungi *dropdown* pilihan jenis aset sama ada jenis aset Kenderaan, Loji/Jentera atau Peralatan dan Kelengkapan Pejabat untuk dibuat penilaian.

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

b) Kategori Aset

Medan ini mengandungi *dropdown* pilihan kategori aset untuk dibuat penilaian. Senarai pilihan kategori aset ini di paparkan mengikut pilihan jenis aset yang telah dipilih sebelum ini. Contohnya, pilihan Jenis Aset ialah Kenderaan. Jadi, senarai pilihan Kategori Aset yang dipaparkan ialah yang berkaitan dengan kenderaan.

c) Sub Kategori Aset

Medan ini mengandungi *dropdown* pilihan sub kategori aset untuk dibuat penilaian. Senarai pilihan sub kategori aset ini di paparkan mengikut pilihan jenis aset dan pilihan kategori aset yang telah dipilih sebelum ini. Contohnya, pilihan Jenis Aset ialah Kenderaan dan pilihan Kategori Aset ialah Kereta Eksekutif. Jadi, senarai pilihan Sub Kategori Aset yang dipaparkan ialah yang berkaitan dengan kenderaan dan kereta eksekutif.

Notasi a, b dan c

Medan ini adalah **medan wajib di isi** pada setiap **jenis penilaian** iaitu **Kenderaan Baru, Pinjaman Kerajaan, Lucut Hak, Harga Rezab dan Pelupusan**

d) Pemilik

Medan ini mengandungi *dropdown* pilihan pemilik kenderaan iaitu Negeri atau Persekutuan

Medan ini **hanya akan dipaparkan** sekiranya **jenis penilaian** yang dipilih ialah **Kenderaan Baru atau Pelupusan**.

e) Pembekal

Masukkan nama pembekal yang membekalkan kenderaan tersebut.

Medan ini **hanya akan dipaparkan** sekiranya **jenis penilaian** yang dipilih ialah **Kenderaan Baru, Pinjaman Kerajaan, Lucut Hak dan Harga Rezab.**

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

f) No. Pendaftaran

g) No. Enjin

h) No. Chasis

Sila rujuk geran kenderaan untuk mengisi medan **f, g dan h**

Medan ini adalah **medan wajib di isi** pada setiap **jenis penilaian** iaitu **Kenderaan Baru, Pinjaman Kerajaan, Lucut Hak, Harga Rezab dan Pelupusan**

i) Buatan

Medan ini mengandungi *dropdown* pilihan buatan kenderaan tersebut.

j) Nama Model

Medan ini mengandungi *dropdown* pilihan nama model kenderaan tersebut. Senarai pilihan nama model ini di paparkan mengikut pilihan Buatan yang telah dipilih sebelum ini. Contohnya, pilihan Buatan ialah Proton. Jadi, senarai pilihan Nama Model yang dipaparkan ialah yang berkaitan dengan Proton.

Notasi i dan j

Medan ini adalah **medan wajib di isi** pada setiap **jenis penilaian** iaitu **Kenderaan Baru, Pinjaman Kerajaan, Lucut Hak, Harga Rezab dan Pelupusan**

k) Tahun Dibuat

Medan ini mengandungi *dropdown* pilihan tahun bermula dari tahun 1963. Pemohon perlu memilih tahun kenderaan tersebut dibuat.

l) Tarikh Pendaftaran

Pemohon boleh memilih tarikh kenderaan tersebut didaftarkan pada kalendar *'date picker'* seperti Rajah 3.3.

Notasi k dan l

Medan ini adalah **medan wajib di isi** pada setiap **jenis penilaian** iaitu **Kenderaan Baru, Pinjaman Kerajaan, Lucut Hak, Harga Rezab dan Pelupusan**

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

m) Tarikh Dibeli

Pemohon boleh memilih tarikh kenderaan tersebut dibeli pada kalendar *'date picker'* seperti Rajah 3.3.



Rajah 3.3 Date picker

n) No. Pesanan Kerajaan

Medan ini **hanya akan di paparkan** sekiranya **jenis penilaian** yang dipilih ialah **Kenderaan Baru**. Masukkan no. pesanan kerajaan seperti di dalam dokumen pembelian aset kerajaan.



Rajah 3.4 Medan Tambahan

o) No. Siri Pendaftaran Aset

p) No. Kodifikasi Nasional

Notasi o dan p

Medan ini merupakan **medan wajib di isi untuk jenis penilaian pelupusan**

Medan ini **hanya akan di paparkan** sekiranya **jenis penilaian** yang dipilih ialah **Pelupusan**.

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

3.3 DOKUMEN

3.3.1 Tab Senarai Dokumen

Tab ini mengandungi senarai dokumen-dokumen yang diperlukan untuk membuat penilaian kenderaan. Dokumen ini merupakan dokumen sokongan untuk memastikan kesahihan dan ketepatan maklumat yang diberikan semasa membuat permohonan.

Pemohon dikehendaki membawa dokumen-dokumen ini semasa menghantar kenderaan untuk di buat penilaian. Setiap jenis penilaian kenderaan mempunyai dokumen-dokumen yang berbeza. Rajah dibawah menunjukkan paparan senarai dokumen yang diperlukan mengikut jenis-jenis penilaian.

Pemohon juga dikehendaki untuk klik pada *'check box'* untuk mengesahkan segala maklumat permohonan yang diberikan adalah benar. Kemudian klik butang Simpan untuk menyimpan permohonan.

3.3.1.1 <u>Kenderaan Baru</u>



Rajah 3.5 Dokumen Kenderaan Baru

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

3.3.1.2 Pinjaman Kerajaan



Rajah 3.6 Dokumen Pinjaman Kerajaan

3.3.1.3 Pelupusan



Rajah 3.7 Dokumen Pelupusan

3.3.1.4 Lucut Hak



Rajah 3.8 Dokumen Lucut Hak

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

3.3.1.5 Harga Rezab



Rajah 3.9 Dokumen Harga Rezab

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.

4 SEMAKAN

4.1 MENU SEMAKAN

Rajah 4.1 Paparan antaramuka Semakan Permohonan

Rajah 4.1 diatas menunjukkan antaramuka untuk pemohon membuat semakan permohonan. Pemohon boleh menyemak permohonan dengan memasukkan Nokp dan klik butang 'Cari'. Hasil carian akan dipaparkan di dalam jadual. Pada ruangan Tindakan terdapat tiga ikon untuk tindakan iaitu :-

Rajah 4.2

Rajah 4.3

Rajah 4.4

1) **Kemaskini Permohonan**

   Klik ikon ini sekiranya pemohon ingin mengemaskini maklumat permohonan

2) **Cetak Borang**

   Klik ikon ini sekiranya pemohon ingin mencetak permohonan

3) **Senarai Kenderaan**

   Klik ikon ini sekiranya pemohon ingin memaparkan senarai kenderaan yang dihantar untuk penilaian

Copyright © 2013 JKR Malaysia.
All Rights Reserved.